

Rasuah pegawai ikut jenis lori

Kira-kira 20 buah lori keluar dari pusat kargo KLIA setiap hari

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SHAH ALAM

Nilai rasuah diberikan kepada pegawai penguat kuasa di pintu masuk Zon Perdagangan Bebas (FCZ) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang berkaitan sindiket penyeludupan rokok elektronik vape dipercayai berjumlah RM6,000 sehari.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan

Sri Azam Baki berkata, nilai rasuah tersebut bergantung kepada jenis lori yang dipaparkan.



AZAM

"Jika lori satu tan nilainya RM150, lori tiga tan (RM300), lima tan (RM500) dan atas lima tan (RM750).

"Kekerapan lori pelbagai jenis itu akan keluar dari FCZ KLIA adalah lebih kurang 20 buah lori sehari. Anggaran nilai rasuah yang diberikan pula adalah sekitar RM4,000 hingga RM6,000 sehari," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Beliau berkata, semua lori yang dilepaskan oleh pegawai penguat kuasa terbabit mempunyai pelbagai kesalahan terutamanya penyeludupan.

Mengulas mengenai Op Airways itu, Azam berkata, rampasan dan sitaan vape telah dibuat selain barang-barang lain seperti komputer, telefon bimbit, barangan bejenama dan wang tunai dengan nilai keseluruhan dianggarkan sebanyak RM17,954,459.



Wang tunai, jam tangan dan anting-anting adalah antara barangan yang dirampas dalam serbuan SPRM, Selasa lalu.



dan lapan orang awam termasuk enam pengarah syarikat.

SPRM turut menahan dua buah lori yang membawa keluar 32,000 unit vape dari pusat pemeriksaan kargo KLIA.

Pada masa sama, serbuan secara besar-besaran turut dilakukan di dua gudang penyimpanan yang dipercayai digunakan sindiket terbabit.

Di situ, SPRM menemui ratusan ribu unit vape lagi yang secara keseluruhan melibatkan kehilangan hasil kutipan cukai kira-kira RM8 juta.

Nilai rasuah lori vape di KLIA

- Lori 1 tan RM150
- Lori 3 tan RM300
- Lori 5 tan RM500
- 5 tan ke atas RM750

Modus operandi sindiket ialah merasuah pegawai penguat kuasa yang bertugas dengan habuan ribuan ringgit bagi setiap kontena tanpa melalui mesin imbasan atau sebarang pemeriksaan.

KP Kastam tekad bebaskan JKDM daripada rasuah

SHAH ALAM - Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan meneruskan operasi strategik bersama agensi penguat kuasa lain bagi membersihkan jabatan tersebut daripada jenayah rasuah.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin berkata, pihaknya secara konsisten tidak berkompromi dengan sebarang bentuk atau isu berkaitan rasuah, pelanggaran integriti dan

salah laku melibatkan anggota serta pegawainya.

Menurutnya, tindakan membarter sindiket penyeludupan vape menerusi Op Airways bersama SPRM merupakan hasil kolaborasi strategik bersama Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat JKDM.

"Ini merupakan langkah sermak dan imbang ke atas proses import eksport.

"Kita akan teruskan operasi strategik dalam pelbagai aspek bagi membersihkan jabatan ini berhubung isu rasuah. Ini tekad saya bagi memastikan JKDM

bebas daripada rasuah," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Tegas Anis Rizana, pihaknya terbuka untuk bekerjasama rapat dengan agensi lain bukan sahaja SPRM, tetapi juga Polis Diraja Malaysia serta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan lain-lain.

Selasa lalu, Anis Rizana memberitahu JKDM sudah melaksanakan pusingan kerja



ANIS RIZANA

isi jawatan berisiko dan terdedah kepada salah guna kuasa, penyelewengan serta rasuah akibat

membabitkan 840 pegawai sekali gus membantu memberi impak signifikan termasuk meningkatkan integriti kakitangannya.

Beliau berkata, inisiatif terbabit bertujuan memelihara integriti warga kastam yang meng-

isi jawatan berisiko dan terdedah kepada salah guna kuasa, penyelewengan serta rasuah akibat

terlalu lama bertugas di sesuatu tempat.

"Pelaksanaan ini bukan saja mengukuhkan struktur organisasi tetapi juga memacu ke arah prestasi unggul dalam setiap aspek operasi jabatan," katanya.

Kenyataan beliau itu sebagai respons kepada arahan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar yang mahu Jabatan Perkhidmatan Awam meneliti dan melaksanakan pusingan kerja ke atas semua penjawat awam yang berkhidmat lebih lima tahun di kaunter perkhidmatan kerajaan.